

Media: Kosmo
Date: 26 Jan 2022

Ajinomoto penaja utama Sukan SEA Hanoi, Vietnam 2021

KUMPULAN Ajinomoto telah menandatangani persetujuan untuk berperanan sebagai penaja rasmi utama Sukan Asia Tenggara ke-31 (Sukan SEA) yang akan diadakan di Vietnam pada 12 hingga 23 Mei 2022.

Sukan SEA dianjurkan secara dwitahunan bagi membina kerjasama serantau, persefahaman dan perpaduan yang kukuh dalam kalangan masyarakat Asia Tenggara.

Ia merupakan acara sukan terbesar yang diadakan di Asia Tenggara dengan tarikan minat daripada lebih 600 juta orang di sekitar wilayah itu.

Bagi temasya tahun ini di Hanoi, Vietnam, Kumpulan Ajinomoto akan menjadi penaja utama bagi kedudukan tertinggi seperti acara yang lalu.

Sejak 2003, Kumpulan Ajinomoto telah mengusahakan Victory Project bagi menyokong situasi atlet berperingkat tinggi di Jepun serta melaksanakan aktiviti sokongan nutrisi dengan memanfaatkan kehebatan asid amino, termasuk menyediakan produk Kumpulan Ajinomoto seperti aminoVITAL dan mempromosikan Winning Meals Kachimeshi.

Berbekalkan ilmu ini, sejak 2008, enam anak syarikat Kumpulan Ajinomoto di rantau ASEAN telah mengikuti ASEAN Victory Project bersama persatuan sukan, para atlet serta sekolah sukan di negara masing-masing.

Kumpulan Ajinomoto akan menggunakan tajaan rasmi Sukan SEA ini sebagai peluang untuk memberikan sokongan selanjutnya di bawah ASEAN Victory Project melalui anak syarikatnya di rantau ASEAN.



Syarikat pengeluar makanan dan perasa Ajinomoto itu juga telah menubuhkan pangkalan perniagaan di Malaysia selain di Vietnam (negara penganjur bagi acara tersebut), Filipina, Thailand, Indonesia, Singapura dan lain-lain.

Kumpulan Ajinomoto akan terus memberikan sokongan kepada sukan dan menggunakan ilmu serta kehebatan asid amino untuk menyumbang kepada isu berkaitan makanan dan kesihatan manusia di setiap negara.

Selaras dengan hala tuju Kumpulan Ajinomoto, sejak 2019, Ajinomoto (Malaysia) Berhad (AMB) telah memulakan kerjasama bersama Kementerian Pendidikan Malaysia dan sekolah sukan negara bagi 'Projek Kesedaran Nutrisi Sukan'.

Selain itu, aminoVITAL telah dilancarkan pada 2020 untuk memberi manfaat kepada atlet tempatan dan individu aktif melalui kepakaran dalam sains amino.

Ia merupakan antara inisiatif Penciptaan Nilai Bersama oleh Kumpulan Ajinomoto (ASV) 4 dalam bidang pemakanan sukan sejurus penglibatan AMB dalam Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 sebagai penaja Platinum.